

# Tebus kesilapan diri di Henry Gurney

B/A 8/3/12

MS 8/9.

## Tirai besi tidak halang pelajar tercicir dapat pendidikan sempurna

**T**IADA sehari yang dilalui Amir tanpa sesalan kerana terlalu mengikutkan darah mudanya sehingga terjebak dalam aktiviti jenayah.

Kini, Amir, 17, dari Kluang, Johor terpaksa menghuni di sebalik tirai besi di Sekolah Henry Gurney (SHG), Telok Mas, Melaka yang membataskan segala pergerakan dan pergaulannya dengan dunia luar ekoran perbuatannya melakukan samun bersenjata, setahun lalu.

Sekolah berkenaan bukan sesuatu yang diimpikan oleh ibu bapa Amir yang pasti mahu melihat anak mereka berjaya dalam kehidupan dan bukannya dipandang sebagai 'samseng' oleh masyarakat.

"Banyak kesilapan yang sudah saya lakukan sebelum ini, separuh daripada masa muda saya dipersia-siakan. Tidak mahu belajar, bergaul bebas dengan kawan sehingga terjebak melakukan jenayah," katanya, di sini, baru-baru ini.

Masihkah ada sinar bagi penghuni sekolah yang sudah beroperasi sejak 1949 dengan nama Sekolah Akhlak Tertinggi itu untuk kembali mengejar cita-cita dan bersaing dengan rakan sebaya yang lain atau terus bergelumang dalam dunia jenayah selepas keluar daripada institusi berkenaan kelak?

Tirai besi bukan penghalang bagi pelajar tercicir seperti Amir untuk terus mendapat pendidikan sempurna dan memperbaiki masa depan mereka sebagai persediaan menghadapi dunia luar selepas tamat menjalani hukuman atas jenayah yang dilakukan.

Peluang pendidikan terbuka luas lebih-lebih lagi melalui konsep 'pendidikan untuk semua' yang menjadi aspirasi kerajaan dalam memberikan pendidikan terbaik bukan saja kepada kira-kira lima juta pelajar sekolah arus perdana malah pelajar di SHG.

Ketua Sektor Khidmat Bantu dan Penerbitan, Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran, Dr Kamaruddin Yaakob, berkata peluang pendidikan yang



*Peluang pendidikan adalah setara dengan sekolah arus perdana dan pelajar diberi peluang menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia bergantung kepada hukuman dijalan. pihaknya membekalkan bantuan buku teks percuma kepada pelajar selain guru terlatih lepasan siswazah dilantik untuk berkhidmat di sekolah ini*

**Kamaruddin Yaakob**

Ketua Sektor Khidmat Bantu dan Penerbitan,  
Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran





**SEKOLAH Henry Gurney beroperasi sejak tahun 1949 sentiasa memberi semangat untuk pesalah hingga ke peringkat tertinggi.**



**PELAJAR** di sekolah Henry Gurney diberi peluang memperbaiki diri menerusi pembelajaran yang diberi seperti sekolah arus perdana.

terdapat di SHG adalah setara dengan sekolah arus perdana dan pelajar diberi peluang menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bergantung kepada hukuman yang dijatani.

Malah beliau berkata, pihaknya membekalkan bantuan buku teks percuma kepada pelajar selain guru terlatih lepasan siswazah dilantik untuk berkhidmat di sekolah itu.

Katanya, Jabatan Penjara juga menyediakan tempat yang selesa agar proses pembelajaran dapat dijalankan dengan baik. Penyelia Unit Akademi SGH, Ramli Hassan berkata, proses pembelajaran seolah-olah di sekolah berasrama penuh.

“Mengajar di SHG lebih mudah kerana mereka seolah-olah di sekolah asrama penuh, ketat dengan peraturan dan disiplin.

“Komitmen diberikan pelajar dari segi

kehadiran juga amat baik dan mereka fokus dalam pelajaran serta dapat menyiapkan kerja sekolah,” katanya.

Antara mata pelajaran yang ditawarkan kepada 90 daripada 465 pelajar sekolah itu yang akan menduduki peperiksaan SPM akhir tahun ini ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Pendidikan Islam, Sains, Perdagangan dan Ekonomi.

Pelajar dibenarkan mengambil subjek tambahan seperti Syariah Islam dan Tasawur mengikut kemampuan bagi memantapkan sijil mereka, katanya.

Katanya, empat kelas tingkatan lima dibuka kepada 79 tahanan lelaki dan satu bagi 11 tahanan wanita pada tahun ini.

Dalam pada itu, Kamaruddin berkata konsep pendidikan untuk semua di SHG berjaya melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang akademik dan sukan.

Setakat ini, katanya, SHG merekodkan pencapaian SPM yang memberangsangkan dengan 90 hingga 100 peratus calon lulus dalam semua mata pelajaran yang diduduki.

Selain itu, Kamaruddin berkata, pelajar terbabit juga berjaya menghafaz tujuh juzuk al-Quran dan memperbaiki ilmu agama yang selama ini diabaikan, sepanjang tempoh dua tahun berada di sekolah berkenaan.

Dengan peluang yang diberikan kerajaan, Amir tidak menoleh ke belakang lagi dan sibuk membuat persiapan untuk menghadapi peperiksaan SPM, akhir tahun ini.

Baginya, dia perlu bangkit untuk memperbaiki kelemahan demi masa depan yang lebih baik untuk diri dan keluarganya.

Anak sulung daripada dua beradik ini fokus dan berdisiplin menjalani hidup sebenar sebagai seorang pelajar dibantu dengan nota dan perhatian guru.

Amir bertekad mencapai keputusan SPM sekurang-kurangnya 8A daripada sembilan mata pelajaran yang didudukinya untuk menebus kesilapan sebelum ini.

Sementara itu, seorang lagi pelajar yang dikenali sebagai Shahrul, 19, dari Ampang, Kuala Lumpur berkata, pen-



k pesalah juvana meneruskan pembelajaran mereka

“Sementara pencapaian terbaik pelajar SHG ialah mendapat 6A dan 2B dalam lapan subjek yang diduduki,” katanya.

Lebih membanggakan, seramai 66 penghuni SHG dapat melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk dalam bidang perakaunan, kejuruteraan mekanikal dan elektronik antara 2009 dan 2011, katanya.

Kamaruddin berkata, pihaknya juga tidak mengabaikan pencapaian sukan dengan mencungkil dan melatih pelajar yang dilihat mempunyai potensi untuk berjaya dalam bidang itu.

Contohnya, seorang pelajar SHG berjaya mewakili negeri Melaka dalam sukan tinju pada peringkat kebangsaan.

“Pelajar berkenaan sebelum ini sering bergaduh dan bertumbuk dan apabila ditanya mengapa bertindak sedemikian, dia menyatakan bahawa dia memang meminati sukan tinju, tetapi tidak berpeluang menzahirkan bakatnya,” katanya.

didikan di SHG seolah-olah memberi sinar baru kepadanya yang hanya sempat bersekolah sehingga tingkatan dua.

“Saya berasa amat bersyukur ditempatkan di sini. Saya tidak tahu apa nasib saya jika terus berada di luar kerana selepas berhenti sekolah saya terbabit dalam aktiviti pengedaran dadah.

“Sekurang-kurangnya di sini saya mendapat pendidikan yang sama dengan pelajar di luar sana walaupun berbeza umur,” katanya yang kini ditempatkan dalam tingkatan lima.

Shahrul yang sudah berada di sekolah berkenaan lebih setahun lepas bertekad untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM dan bercita-cita menjadi pegawai cemerlang.

Shahrul yakin dengan bimbingan guru di sekolah itu, dia akan dapat kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat sebagai seorang insan yang cemerlang selepas dibebaskan pada 2014 nanti. – BER-NAMA